

# **NILAI SOSIOBUDAYA DALAM CERITA KANAK-KANAK PILIHAN**

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi<sup>1</sup>  
*Universiti Putra Malaysia,*

Awang Azman Awang Pawi<sup>2</sup>  
*Universiti Malaya*

## **ABSTRAK**

*Penyerapan nilai-nilai sosiobudaya ada diterapkan dalam cerita-cerita rakyat sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Namun, perubahan zaman memberi kesan kepada tumpuan kanak-kanak terhadap buku yang merupakan medium tradisi. Kanak-kanak mula terdedah kepada pelbagai bahan multimedia. Justeru, penyerapan nilai sosiobudaya dalam cerita-cerita klasik kian dilupakan. Apakah cerita-cerita berbentuk klasik warisan masyarakat Melayu tradisi sudah tidak relevan lagi pada dunia hari ini? Justeru, kajian ini akan merungkaikan persoalan tersebut. Dalam kajian ini pengkaji akan mengklasifikasikan dan menganalisis nilai-nilai sosiobudaya yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat pilihan. Seramai 640 orang kanak-kanak yang berusia antara 9 hingga 10 tahun dari kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan, Melaka, Sarawak, Sabah, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Putra Jaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipilih secara rawak sebagai responden. Dapatkan kajian menunjukkan masih lagi ramaikanak-kanak di Malaysia dapat memahami akan relevan penerapan sosiobudaya dalam cerita-cerita klasik. Namun, terdapat juga kanak-kanak yang tidak tahu menilai akan kepentingan nilai-nilai yang diterapkan dalam cerita.*

**Kata Kunci:** *sastera kanak-kanak, nilai, sosiobudaya, cerita kanak-kanak*

## **PENGENALAN**

Perubahan zaman turut memberi kesan kepada kebolehan berfikir kanak-kanak. Mereka mula terdedah kepada pelbagai media yang bersifat visual seperti televisyen, internet dan bahan-bahan multimedia yang lain. Justeru, buku kanak-kanak yang merupakan medium tradisi harus bersifat kreatif agar dapat terus menarik perhatian dan merangsang minda kanak-kanak. Dalam hal ini penulis dan penerbit buku mestilah menghasilkan buku yang dapat memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak. Dalam erti kata lain, buku-buku yang diterbitkan hendaklah dilihat daripada perspektif kaca mata kanak-kanak bukan daripada aspek kaca mata orang dewasa. Salah satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah nilai sosiobudaya dalam buku kanak-kanak. Nilai sosiobudaya dalam konteks kajian ini boleh diertikan sebagai sesuatu yang diamalkan oleh manusia dan masyarakat di persekitaran kanak-kanak dan juga kanak-kanak mengenai sesuatu yang dianggap baik ataupun sesuatu

---

<sup>1</sup> Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, nikrafidah@gmail.com

<sup>2</sup> Socio-Cultural and Arts Department, Academy of Malay Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, awangazman@gmail.com

yang dianggap tidak baik. Kanak-kanak secara tidak langsung akan mendapat pengalaman melalui bahan bacaan tersebut. Pengalaman tersebut dapat dijadikan sebagai panduan dalam meneruskan kelangsungan hidup.

Dalam kajian ini seramai 640 orang kanak-kanak yang berusia antara 9 hingga 10 tahun dari kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan, Melaka, Sarawak, Sabah, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Putra Jaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipilih sebagai responden bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan persepsi kanak-kanak akan kerelevanan penerapan nilai-nilai sosiobudaya dalam cerita-cerita rakyat pilihan. Hasil daripada kajian menunjukkan antara penerapan sosiobudaya yang dominan menarik perhatian kanak-kanak ialah nilai berjasa berbakti dan nilai kasih sayang.

### **NILAI BERJASA BERBAKTI**

Berdasarkan kepada perkembangan moral kanak-kanak, mereka berkecenderungan untuk mempelajari sesuatu dalam hidup. Kohlberg ada mengatakan kanak-kanak berkecenderungan untuk melakukan moral yang positif. Dalam hal ini Mahmood Nazar Mohamed (2001: 207) ada menyatakan kanak-kanak mempraktikkan kebaikan, kejujuran, kesetiaan, kepatuhan dan pelbagai jenis aspek moral yang lain walaupun mereka tidak mengetahui maksud moral yang sebenar.

Dengan penerapan unsur berjasa dan berbakti dalam setiap bahan bacaan, akan dapat memupuk kanak-kanak menghayati mesej atau nilai yang ingin diterapkan oleh pengarang dalam setiap bahan bacaan. Hal ini adalah selari dengan pendapat seorang sarjana, iaitu menurut Mohd Kassim Ismail (2000: 65), setiap kanak-kanak atau remaja mempunyai keinginan membuat jasa atau bakti. Mereka mahu bertindak dan melakukan sesuatu yang kemudiannya mendapat penghargaan. Setiap kanak-kanak atau remaja mempunyai keinginan untuk membuat jasa dan bakti. Mereka mahu bertindak dan melakukan sesuatu yang kemudiannya mendapat penghargaan. Kejayaan dan penghargaan hanya akan diperolehi setelah melakukan kebaikan. Berbuat baik dan dilakukan tanpa mengharapkan balasan akhirnya menjadi jasa dan bakti yang diingati. Sesuatu kebaikan yang diiringi penghargaan tentu sahaja menyenangkan hati kanak-kanak dan remaja. Prinsip bagi memenuhi keperluan berjasa dan berbakti ini ialah melalui pembacaan cerita-cerita romantik- klasik. Penelitian bagi cerita-cerita ini bermula daripada kejayaan fizikal watak, kemudian ke nilai-nilai murni seperti keberanian, kesabaran, mempunyai nilai moral dan sebagainya yang boleh membentuk peribadi seseorang. Antara cerita yang diketengahkan kepada kanak-kanak mengenai unsur berjasa dan berbakti ialah cerita binatang. Melalui aksi cerita tersebut, dapat ditunjukkan makna kejayaan hidup dengan membuat jasa, mempertahankan moral dan sebagainya (Mohd Kassim Ismail, 2001: 65)

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dirumuskan bahawa kanak-kanak berkelakuan sebegini kerana kehendak naluri semula jadi mereka ingin membuat jasa dan bakti dalam keluarga atau masyarakat. Serentak dengan itu, kanak-kanak akan merasa dirinya ‘dihargai’ apabila mendapat penghargaan atau ganjaran di atas jasa dan baktinya itu. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Kohlberg yang menyatakan dalam proses perkembangan moral kanak-kanak, pada satu peringkat mereka berkecenderungan untuk mendapatkan ganjaran atau balasan yang setimpal ke atas budinya.

Setiap kanak-kanak mempunyai keinginan membuat jasa dan berbakti. Keperluan mengisi kesedaran ini, pada prinsipnya boleh dilakukan melalui pembacaan cerita-cerita Melayu klasik. Antara contoh cerita yang mempunyai unsur berjasa dan berbakti ialah cerita *Batu Belah Batu Bertangkup*. Berdasarkan kepada cerita tersebut, Melur digambarkan sebagai seorang anak yang berjasa dan berbakti. Contohnya, semasa ketiadaan ibunya, Melur telah memasak gulai sebagaimana suruhan ibunya dan membantu menjaga adiknya Pekan sepeninggalan ibunya ke hutan mencari akar kayu. Hal ini dapat dilihat seperti petikan di bawah:

*Melur pun memasak gulai ikan tembakul. Melur ingat akan pesan emaknya tadi.*

(Batu Belah Batu Bertangkup: 2002)

Berdasarkan cerita di atas, menurut Mohd Kassim Ismail, (2002: 65) kanak-kanak mahukan sesuatu yang kemudiannya mahukan penghargaan setelah melakukan kebaikan. Buat baik tanpa balasan akhirnya menjadi jasa bakti yang diingati.

Seterusnya cerita *Sumpahan Sang Kelembai* pula dapat dilihat melalui watak nenek kebayan yang mahu menolong Badek dan keluarganya kerana kasihan akan kehidupan mereka sekeluarga. Oleh kerana sikap Badek yang rajin menyebabkan nenek kebayan mahu menolong Badek sekeluarga. Hal ini sebagaimana dalam petikan di bawah:

*“Nenek mahu menolong keluarga cucu, asalkan cucu penuhi syarat nenek.” kata nenek kebayan.*

(Batu Belah Batu Bertangkup: 2002)

Berdasarkan petikan di atas, secara tidak langsung dapat dilihat watak nenek kebayan yang berjasa dan berbakti kepada keluarga Badek dengan menolong melepaskan Badek dari belenggu kemiskinan. Nenek kebayan tidak meminta apa-apa balasan, hanya mahukan Badek pula menjadi orang yang berjasa dan berbakti kepada masyarakat.

Pengarang telah menggambarkan unsur berjasa dan berbakti melalui ilustrasi gambar rajah di bawah:



(Sumber: *Sumpahan Sang Kelembai*, 2002: Kualiti Sdn. Bhd)

Seterusnya, dalam cerita *Si Tenggang* pula dapat dilihat melalui watak kelasi dan nakhoda kapal yang telah menolong dengan mengajar Tenggang cara-cara belayar disamping menjadikan Tenggang sebagai anak angkat. Nakhoda dan kelasi kapal begitu menyayangi sehingga menyerahkan kapal kepada Tenggang setelah tenggang cekap dalam ilmu pelayaran. Hal ini terdapat dalam petikan di bawah:

*Nakhoda menyerahkan kapal kepada Tenggang.  
Tenggang menjadi pelayar yang cekap.*  
(Si Tenggang: 2002)

Gambaran ilustrasi tentang sikap berjasa dan berbakti kelasi dan nakhoda kapal terhadap Tenggang adalah seperti gambar rajah di bawah:



**(Sumber: *Si Tenggang*, 2002: Kualiti Sdn Bhd)**

Dalam Cerita *Puteri Gunung Ledang* pula dapat dikesan unsur berjasa dan berbakti melalui watak Tun Mamat dan pembesar istana yang sanggup meredah gunung redang semata-mata untuk memenuhi hasrat Sultan Melaka untuk meminang Puteri Gunung Ledang. Hal ini sebagaimana yang dipaparkan dalam petikan di bawah:

*Rombongan diraja diketuai Tun Mamat. Tun Mamat dan ahli-ahli rombongannya membawa banyak hadiah kepada Puteri Gunung Ledang. Mereka mendaki Gunung Ledang. Mereka bertembung dengan binatang buas. Mereka terus mendaki gunung untuk berjumpa Puteri Gunung Ledang.*

(Puteri Gunung Ledang: 2002)



(Sumber: *Puteri Gunung Ledang*, 2002: Kualiti Sdn. Bhd)

Cerita *Puteri Santubung Puteri Sejinjang* pula unsur berjasa dan berbakti melalui watak kedua-dua puteri yang cantik dan sanggup turun ke bumi untuk membantu penduduk Kampung Pasir Kuning dan Kampung Pasir Putih daripada terus berperang. Puteri Santubung telah turun ke bumi untuk memberi nasihat kepada penduduk Kampung Pasir Kuning. Manakala Puteri Sejinjang pula telah mengutip beras yang tumpah sambil memberi nasihat di Kampung Pasir Putih. Maka kedua-dua kampung hidup aman dan damai. Hal ini dijelaskan sebagaimana petikan di bawah:

*Sejak itu, penduduk Kampung Pasir Putih dan Kampung Pasir Kuning pun berdamai. Mereka berasa terhutang budi kepada Puteri Santubung dan Puteri Sejinjang.*

(Puteri Santubung Puteri Sejinjang: 2002)

Pengarang menggambarkan dengan jelas bahawa kedua-dua buah kampung telah berdamai kerana atas nasihat Puteri Santubung dan Puteri Sejinjang sebagaimana dalam gambar rajah di bawah:




(Sumber: *Puteri Santubung Puteri Sejinjang*, 2002: Kualiti Sdn. Bhd)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, nilai berjasa dan berbakti dalam sastera kanak-kanak dapat dilihat dalam konteks yang luas. Kanak-kanak diasuh untuk melihat daripada pelbagai dimensi, berjasa dan berbakti bukan sahaja dalam kalangan keluarga tetapi juga dalam kalangan masyarakat keseluruhan bertujuan untuk kebaikan manusia sejagat. Kanak-kanak dapat menerima nilai berjasa dan berbakti sebagai satu unsur sosiobudaya yang patut dikekalkan.

### **NILAI BERJASA DAN BERBAKTI**

■ SETUJU ■ TIDAK PASTI ■ TIDAK SETUJU



Berdasarkan carta di atas, seramai 461 orang kanak-kanak iaitu 72% kanak-kanak seronok membaca cerita yang mengandungi nilai berjasa dan berbakti. Kanak-kanak kelihatan gembira apabila membaca cerita dan melihat gambar reaksi rombongan raja yang diketuai oleh Tun Mamat menuju ke Gunung Ledang. Semangat berjasa dan berbakti mereka kepada raja terserlah. Mereka juga mengakui akan pentingnya seorang anak berjasa kepada ibu melalui cerita “Batu Belah Batu Bertangkup”, Mereka berasa teruja melihat seorang nenek yang mempunyai perasaan belas kasihan kepada Badek lantas menjadikan Badek kaya. Nenek kebayan telah berjasa dan berbakti kepada keluarga Badek. Hal yang sama dapat dilihat oleh kanak-kanak dalam cerita “Si Tenggang” yang mana kanak-kanak dapat mengesan bahawa Nakhoda kapal juga telah berjasa dan berbakti kepada Si Tenggang. Namun seramai 38 orang kanak-kanak iaitu 38.4% tidak pasti akan kepentingan nilai sosio budaya yang terdapat dalam cerita tersebut dan 141 orang kanak-kanak iaitu sebanyak 22% yang tidak bersetuju akan pentingnya nilai berjasa dan berbakti kepada masyarakat.

Berdasarkan penelitian pengkaji, golongan ini terdiri daripada mereka yang kurang berminat dan tidak terdedah kepada bahan bacaan kanak-kanak sebelum ini. Lumrahnya kanak-kanak mahu berjasa dan berbakti kerana mereka ingin dihargai oleh insan-insan yang mereka sayangi. Dalam hal ini Maslow (1970:45) ada mengatakan rasa diri dihargai timbul apabila mendapati ada orang yang melahirkan rasa hormat daripada jasa dan bakti yang dilakukan.

## **NILAI KASIH SAYANG**

Semua insan termasuk insan kanak-kanak ingin menyayangi dan disayangi sama ada dalam keluarga mahupun masyarakat. Dengan ini kehidupan menjadi lebih harmoni. Dalam hal ini, Maslow ada menyatakan bahawa kasih sayang merupakan satu keperluan dalam kehidupan manusia untuk mencapai tahap kesempurnaan kendiri. Justeru dapat dilihat betapa penting unsur kasih sayang dalam kehidupan.

Serentak dengan itu, Mohd Kassim Ismail (2001: 67), mengatakan bahawa setiap manusia memerlukan kasih sayang dalam sesebuah kehidupan. Manusia memerlukan seseorang dan menjadi sebahagian daripada kumpulan, keluarga, jiran dan sebagainya. Setiap kanak-kanak mempunyai keinginan untuk disayangi dan menyayangi. Setiap insan kanak-kanak atau remaja mempunyai keinginan untuk disayangi dan menyayangi. Namun tidak semua insan kanak-kanak atau remaja itu beruntung malah terdapat mereka yang gagal memberi dan menerima kasih sayang. Justeru ada yang terasing atau terabai hidupnya, hingga menyebabkan mereka mencari ruang asing di luar lingkungan keluarga. Bagi yang beruntung, mungkin mempunyai keluarga bahagia, mereka berpeluang mempelajari dan memahami aturan-aturan, bagi memelihara perhubungan kasih sayang dalam konteks keluarga atau kumpulan.

Biasanya, kanak-kanak memerlukan kasih sayang daripada orang yang rapat dengan mereka. Menurut Muhd Mansur Abdullah (1986: 130), penerimaan kasih sayang yang tidak mencukupi akan mengubah emosi, fizikal, intelek dan jiwa seseorang untuk membesar. Seseorang individu akan mudah merasakan dirinya seolah-olah tersisih daripada individu lainnya jika individu itu tidak mendapat dan diberikan kasih sayang yang secukupnya. Menurut Rogers pula, manusia memerlukan apa yang diistilahkan Rogers sebagai perhatian positif (Roger, 1959), iaitu keperluan untuk disayangi, disukai, dihormati, diterima dan dikasihi oleh orang lain (Mahmood Nazar Mohamed, 1990)

Setiap kanak-kanak mempunyai keinginan untuk disayangi dan menyayangi. Melalui karya sastera seperti cerita Melayu klasik ini, kanak-kanak boleh mempelajari mengapa sesuatu itu boleh dan tidak boleh dilakukan, mengapa sesuatu itu boleh menggembirakan keluarga ataupun kawan, yang bertujuan untuk memelihara perasaan orang yang disayangi mereka. Dari sini mereka akan mula belajar erti tanggungjawab terhadap keluarga dan kelompok sosial.

Dalam Cerita *Batu Belah Batu Bertangkup* dapat dikesan penerapan tentang pentingnya nilai sebuah kasih sayang antara ibu dan anak. Seorang ibu sanggup bersusah payah mencari rezeki untuk anak-anaknya. Namun, disebabkan Pekan, si anak kecil yang tidak mengerti akan pengorbanan ibunya dengan tidak sengaja memakan kesemua telur ikan tembakul. Hal ini menyebabkan ibunya merajuk sehingga masuk ke dalam mulut batu belah batu bertangkup. Pekan merupakan kanak-kanak biasa yang masih belum mengerti akan norma-norma dalam keluarga. Kesilapannya membawa implikasi yang besar. Dia akhirnya kehilangan ibunya. Ternyata masyarakat Melayu tradisi melalui cerita rakyat memberi hukuman yang keras kepada anak-anak yang lalai akan tanggungjawab kepada ibu bapa. Mereka diasuh daripada kecil lagi supaya prihatin akan tanggungjawab seorang anak kepada ibu bapa.

Pada hakikatnya kedua beradik ini sebenarnya begitu menyayangi ibunya, Mak Tanjung. Mereka sedaya upaya menahan ibunya daripada masuk ke dalam mulut batu belah batu bertangkup. Gambaran kasih sayang juga dapat dilihat dalam ilustrasi di bawah. Kedua beradik tersebut kelihatan resah apabila ibu mereka menangis.

*Melur dan Pekan cuba menahan emak mereka tetapi gagal.*

(Batu Belah Batu Bertangkup: 2002)



**(Sumber: Batu Belah Batu Bertangkup, 2002: Kualiti Sdn. Bhd)**

Pengajaran daripada cerita ini, anak-anak harus menjaga perasaan orang-orang yang mereka sayang dan tahu etika dalam keluarga. Mereka harus tahu apa yang boleh dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan.

Seterusnya, cerita *Sumpahan Sang Kelembai* pula dapat dilihat kasih sayang bapa kepada anaknya. Badek yang amat menyayangi anaknya Melur dan berjanji kepada isterinya untuk bekerja kuat bagi menyara keluarga. Badek juga tidak mahu Melur hidup susah dan telah mengahwinkan Melur dengan anak orang kaya. Ini dapat dilihat melalui kenyataan di bawah.

*“Tidak lama lagi, anak kita akan dewasa,” kata isteri Badek. “Abang akan bekerja lebih kuat untuk anak kecil kita,” Badek berjanji kepada isterinya.*

(Sumpahan Sang Kelembai :2002)

Gambaran dimana Badek dan isterinya cukup menyayangi anaknya dipaparkan melalui ilustrasi di bawah:



(Sumber: *Sumpahan Sang Kelembai*, 2002: Kualiti Sdn. Bhd)

Berdasarkan ilustrasi di atas, Badek telah member kehidupan yang terbaik kepada anaknya. Dalam konteks dunia pada hari itu, cara berpakaian anak Badek melambangkan kemewahan yang dimiliki.


Manakala dalam cerita *Si Tenggang*, ibu bapa Tenggang juga menyayangi dan merindui Tenggang setelah sekian lama tidak berjumpa dengan anaknya itu. Mereka sanggup mengayuh sampuan untuk berjumpa dengan Tenggang. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

*Ibu bapa Tenggang menaiki perahu kecil pergi ke kapal Tenggang. "Aku tidak sabar bertemu Tenggang," kata ibu Tenggang.*

(*Si Tenggang*: 2002)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang memaparkan unsur kasih sayang ibu bapa terhadapanak. Ibu bapa Tenggang sanggup bersusah payah mengayuh perahu kecil demi berjumpa dengan anak nya yang telah sekian lama terpisah. Kasih saying ibubapa kepada anak tidak akan pernah terpadam, walaupun seorang anak tinggal beribu batu jauhnya. Naluri seorang ibu dan bapa akan tetap membara untuk anak mereka.

Petikan di atas, menunjukkan kasih sayang ibu bapa terhadap anak sangat mendalam sebagaimana yang dipaparkan pada ilustrasi di bawah:



(Sumber: *Si Tenggang*, 2002: Kualiti Sdn Bhd)


Ilustrasi di atas menunjukkan keceriaan dan rasa penuh pengharapan seorang ibu dan ayah untuk berjumpa dengan anak kesayangan mereka.

Cerita *Puteri Gunung Ledang* juga terdapat sifat sayang menyayangi Sultan Melaka terhadap putera dan rakyatnya. Sultan Melaka telah insaf dan tidak sanggup untuk membunuh puteranya dan menzalimi rakyatnya. Nyawa anak dan rakyatnya lebih penting kerana beliau tidak mahu dituduh sebagai seorang raja yang zalim. Hal ini bertepatan dengan petikan di bawah:

*“Beta batalkan hajat meminang Puteri Gunung Ledang.  
Lebih baik beta menjaga rakyat beta. Beta lebih sayang  
kepada mereka,” titah Sultan Melaka.*

(Puteri Gunung Ledang: 2002)

Hal ini dapat dilihat melalui gambar rajah di bawah.



(Sumber: *Puteri Gunung Ledang*, 2002: Kualiti Sdn. Bhd)

Dalam cerita *Puteri Santubung Puteri Sejinjang* pula adanya unsur sayang menyayangi sesama makhluk iaitu antara puteri kayangan dan manusia di bumi. Contohnya, Puteri Santubung dan Puteri Sejinjang tidak mahu perpecahan dan pertelingkahan sesama manusia lantas mereka turun ke bumi untuk mendamaikan penduduk kampung tersebut. hal ini terdapat dalam petikan di bawah:

*Akhirnya, Puteri Santubung dan Puteri Sejinjang melayang turun ke bumi. "Kami akan damaikan kamu semua," teriak Puteri Santubung.*

(Puteri Santubung Puteri Sejinjang: 2002)

Berdasarkan kepada petikan di atas, pengarang menunjukkan watak kedua-dua puteri dalam cerita ini yang sayang penduduk kampung agar tidak berlaku pertumpahan darah. Mereka turun untuk mendamaikan permusuhan ini. Hal ini berdasarkan ilustrasi yang terdapat pada gambar di dibawah:



(Sumber: *Puteri Santubung Puteri Sejinjang*, 2002: Kualiti Sdn. Bhd)

Seterusnya, hubungan kasih sayang antara suami isteri jelas dapat dikesan dalam cerita “Rantai Emas”. Pak Abu akhirnya bertegas supaya isterinya menyelamatkan diri. Nyawa isterinya lebih penting daripada emas. Pada peringkat awal Pak Abu akur kepada isterinya untuk menarik rantai emas yang mereka jumpai ke dalam sampai kecil mereka tetapi apabila nyawa mereka mula terancam Pak Abu dengan tegasnya mengarahkan isterinya menyelamatkan diri.

*Pak Abu mengikut kata-kata isterinya. Mak Nani terus menarik rantai emas. Lama-kelamaan, sampan kecil itu makin sarat dan hampir tenggelam. "Ayuh terjun, Mak Nani!" jerit Pak Abu.*

(Rantai Emas: 13)



(Sumber: *Rantai Emas*: 2002, Kualiti Sdn. Bhd.)

Nilai kasih sayang dalam keluarga juga dapat dikesan dalam cerita “Orang Kaya yang Kedekut”. Kelana akhirnya bersetuju untuk membuang semua peti wangnya ke laut semata-mata untuk menyelamatkan isteri dan anaknya.

“...Akhirnya Kelana berasa insaf. Nyawa lebih penting daripada harta. Dia membuang semua peti wang ke laut.”  
(Orang Kaya yang Kedekut: 13-14)

Situasi itu juga disampaikan melalui ilustrasi seperti di bawah:




(Sumber: *Orang Kaya yang Kedekut*: 2002: Kualiti Sdn. Bhd)

Berdasarkan cerita rakyat di atas, kanak-kanak didedahkan dengan nilai-nilai kasih sayang yang kini menjadi warisan budaya dalam masyarakat Melayu. Kasih sayang bermula dalam institusi keluarga, masyarakat dan juga antara makhluk-makhluk Allah di muka bumi ini. Kanak-kanak berasa gembira membaca cerita-cerita tersebut. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (2001:207), kanak-kanak dapat mempraktikkan kebaikan, kejujuran, kesetiaan, kepatuhan dan pelbagai jenis aspek moral yang lain walaupun mereka tidak mengetahui maksud moral yang sebenar. Rajah di bawah menunjukkan reaksi kanak-kanak terhadap penerapan kasih sayang dalam cerita.

## NILAI KASIH SAYANG

■ SETUJU ■ TIDAK PASTI ■ TIDAK SETUJU



Berdasarkan rajah di atas, seramai 467 orang kanak-kanak atau 73% bersetuju akan kepentingan nilai kasih sayang diterapkan dalam cerita. Mereka seronok membaca cerita yang disulami dengan nilai kasih sayang. Mereka tertarik membaca cerita-cerita yang bukan sahaja mempunyai nilai kasih sayang dalam keluarga namun cerita-cerita yang mempunyai nilai kasih sayang sesama makhluk di muka bumi ini. Watak Puteri Santubung dan Puteri Sejinjang yang tidak suka permusuhan menarik perhatian mereka. Namun, 32 orang kanak-kanak atau 5% daripada mereka tidak pasti akan kepentingan nilai kasih sayang dalam cerita. Golongan ini kelihatan tidak berminat dan tidak memahami isi cerita. Hal yang sama juga dapat dikesan ke atas 141 atau 22 % kanak-kanak yang tidak bersetuju akan nilai kasih sayang yang terdapat dalam cerita. Menurut Abraham Maslow (1970:44), manusia ingin hidup berkelompok dan mereka saling sayang menyayangi. Lazimnya setiap insan termasuk kanak-kanak menginginkan kasih sayang daripada seseorang yang rapat dengannya seperti ibu bapa, adik-beradik, saudara mara dan teman-teman.

Dapatan kajian menunjukkan nilai kasih sayang dalam cerita-cerita klasik masih lagi relevan dalam kalangan kanak-kanak pada hari ini. Rata-rata kanak-kanak bersetuju bahawa mereka seronok membaca cerita-cerita yang menerapkan nilai kasih sayang, apalah cerita-cerita tersebut disulami dengan unsur fantasi. Di akhir cerita mereka memahami bahawa nilai sebuah kasih sayang sangat penting dan memberi kekuatan kepada mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup.

## KESIMPULAN

Nilai berjasa berbakti dan nilai kasih sayang merupakan antara nilai sosiobudaya asas diterapkan dalam sastera kanak-kanak. Dalam cerita rakyat yang menjadi bahan kajian jelas menggambarkan rasa tanggungjawab masyarakat Melayu tradisi terhadap masyarakatnya. Penghasilan cerita klasik tersebut bertunjangkan nasihat dan rasa tanggungjawab. Aliran klasik yang terterap dalam cerita tersebut nyata bersifat kolektif dan milik bersama. Cerita-cerita tersebut ternyata menarik perhatian kanak-kanak tahap satu.

## BIBLIOGRAFI

- A. Teeuw. 1992. *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Teeuw. 1995. *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahab Ali. 1988. *Tradisi Pembentukan Sastera Melayu Modern*. Petaling Jaya: Penerbitan Sarjana.
- Abdul AB. Alim Abdul Rahim. 1994. *Pengantar Psikologi Bilazim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MohdKassim Ismail. 2001. *Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja*. Selangor: IDEAL UPM.
- Muhd. Mansur Abdullah. 1986. *Kaunseling: Teori, Proses dan kaedah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Maslow, Abraham H. 1970. *Motivation And Personality*. Harper & Row, Publisher: New York
- \_\_\_\_\_.2002. Himpunan Cerita Melayu Klasik- *Puteri Gunung Ledang*. Petaling Jaya: Kualiti Books Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_.2002. Himpunan Cerita Melayu Klasik- *Raja Bersiung*. Petaling Jaya: Kualiti Books Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_.2002. Himpunan Cerita Melayu Klasik- *Puteri Santubung Puteri Sejinjang*. Petaling Jaya: Kualiti Books Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_.2002. Himpunan Cerita Melayu Klasik- *Si Tenggang*. Petaling Jaya: Kualiti Books Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_.2002. Himpunan Cerita Melayu Klasik- *Orang Kaya Kedekut*. Petaling Jaya: Kualiti Books Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_.2002. Himpunan Cerita Melayu Klasik- *Sumpahan Sang Kelembai*. Petaling Jaya: Kualiti Books Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_.2002. Himpunan Cerita Melayu Klasik- *Rantai Emas*. Petaling Jaya: Kualiti Books Sdn. Bhd.